



جَابَاتِن مَفْتِي نَغْرِي سِلَانْغُورِ  
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

# Ramadhan Al-Mubarak

Mengandungi:  
Jadual Waktu Imsak & Buka Puasa 2007  
Negeri Selangor

*Diterbitkan oleh:*

Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 7 & 8, Menara Utara,  
Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam.  
Tel : 03 -55143717 / 55143718 Fax : 03 -55197584  
E-mail : [mufti\\_sel@selangor.gov.my](mailto:mufti_sel@selangor.gov.my)  
Laman Web : <http://www.muftiselangor.gov.my>

## LAFAZ NIAT PUASA BULAN RAMADHAN

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرَضِ  
شَهْرِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku berpuasa esok hari kerana menunaikan fardhu bulan Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Taala".

## DOA BERBUKA PUASA

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَعَلَى  
رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّحِيمِينَ

Maksudnya: "Ya Allah, kerana-Mu aku berpuasa, dengan-Mu aku beriman, dengan rezeki-Mu aku berbuka, dengan rahmat-Mu Ya Allah yang Maha mengasihani".

# IBADAT PUASA

## Pengertian Puasa

Puasa dari segi istilah bermaksud menahan diri daripada makan dan minum dan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa mulai terbit fajar hingga terbenam matahari beserta niat.

## Dalil Wajib Puasa

Umat Islam yang mempunyai cukup syarat diwajibkan berpuasa di bulan Ramadhan berdasarkan dalil seperti berikut:

Firman Allah S.W.T.

﴿ يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ  
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن  
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.*

(surah Al-Baqarah : 183)

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِنَبِيِّ الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ، شَهَادَةَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيَاءَ الزَّكَاةِ وَالْحَجَّ وَصَوْمَ رَمَضَانَ

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Daripada Ibnu Umar dari Nabi Muhammad s.a.w bersabda; Islam itu dibina atas lima perkara, bersaksi tiada tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, membayar zakat, menunaikan haji dan puasa pada bulan Ramadhan.*

(Riwayat Bukhari)

## Lafaz Niat

Waktu melafazkan niat adalah selepas masuk waktu Maghrib dan sebelum terbit fajar (Subuh).

Lafaz niat puasa bulan Ramadhan:

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرَضِ شَهْرِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ  
لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: “Sahaja aku berpuasa esok hari kerana menunaikan fardhu bulan Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Taala”.

Lafaz niat puasa sebulan:

نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ كُلِّهِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: Sahaja aku berpuasa untuk sebulan, bulan Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Taala.

Walaupun dibolehkan berniat sebulan, berniat setiap malam itu tetap wajib jika terlupa niat pada waktu malam maka niat yang sebulan inilah yang akan mewajibkan seseorang berpuasa.

## **Syarat Wajib Puasa**

1. Islam
2. Baligh: Tidak diwajibkan berpuasa ke atas kanak-kanak yang belum sampai umur baligh. Walau bagaimanapun kanak-kanak digalakkan berpuasa.
3. Berakal: Tidak diwajibkan puasa bagi orang gila.
4. Berkemampuan: Tidak wajib berpuasa ke atas orang yang tidak berdaya berpuasa seperti orang sakit, musafir, orang tua dan sebagainya.

## **Rukun Puasa**

1. Orang yang berpuasa
2. Niat
3. Menahan diri daripada sesuatu yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

## Hikmah Puasa

1. Menandakan kesyukuran kepada Allah
2. Melatih diri dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji seperti sabar, tabah, amanah dan sebagainya).
3. Melatih sikap tolong-menolong di antara satu sama lain.
4. Meningkatkan kesihatan diri.
5. Mendapat dua kegembiraan iaitu ketika berbuka (hari raya) dan ketika berjumpa dengan tuhanNya pada hari kiamat.
6. Menjauhkan dari sifat-sifat Mazmumah (keji) seperti tamak, sombong hasad dengki dan sebagainya.

## Kelebihan Ramadhan

### 1. Bulan diturunkan Al-Quran

Firman Allah S.W.T.:

﴿ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ  
هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ

# JADUAL WAKTU IMSAK DAN BERBUKA

ZON 1 : Daerah Gombak, Petaling/Shah Alam, Hulu Selangor, Hulu Langat dan Sepang.

Hari	Ramadhan	Sept/Okt	Imsak	Berbuka
Khamis	*1	13/9/07	5.39	7.15
Jumaat	2	14	5.39	7.15
Sabtu	3	15	5.39	7.14
Ahad	4	16	5.39	7.14
Isnin	5	17	5.38	7.13
Selasa	6	18	5.38	7.13
Rabu	7	19	5.38	7.12
Khamis	8	20	5.38	7.12
Jumaat	9	21	5.37	7.11
Sabtu	10	22	5.37	7.11
Ahad	11	23	5.37	7.11
Isnin	12	24	5.37	7.10
Selasa	13	25	5.36	7.10
Rabu	14	26	5.36	7.09
Khamis	15	27	5.36	7.09
Jumaat	16	28	5.36	7.08
Sabtu	17	29	5.35	7.08
Ahad	18	30	5.35	7.07
Isnin	19	1/10/07	5.35	7.07
Selasa	20	2	5.35	7.07
Rabu	21	3	5.34	7.06
Khamis	22	4	5.34	7.06
Jumaat	23	5	5.34	7.05
Sabtu	24	6	5.34	7.05
Ahad	25	7	5.33	7.04
Isnin	26	8	5.33	7.04
Selasa	27	9	5.33	7.04
Rabu	28	10	5.33	7.03
Khamis	**29	11	5.33	7.03
Jumaat	30	12	5.32	7.03

Makluman:-

\* Tertakluk kepada Pengisytiharan Penyiri

\*\* Tarikh melihat Hilal Syawal, tertakluk

# BUKALAMAH PUASA TAHUN 1428H / 2007

ZON 2 : Daerah Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Hari	Ramadhan	Sept/Okt	Imsak	Berbuka
Khamis	*1	13/9/07	5.41	7.17
Jumaat	2	14	5.41	7.17
Sabtu	3	15	5.41	7.16
Ahad	4	16	5.41	7.16
Isnin	5	17	5.40	7.15
Selasa	6	18	5.40	7.15
Rabu	7	19	5.40	7.14
Khamis	8	20	5.40	7.14
Jumaat	9	21	5.39	7.13
Sabtu	10	22	5.39	7.13
Ahad	11	23	5.39	7.13
Isnin	12	24	5.39	7.12
Selasa	13	25	5.38	7.12
Rabu	14	26	5.38	7.11
Khamis	15	27	5.38	7.11
Jumaat	16	28	5.38	7.10
Sabtu	17	29	5.37	7.10
Ahad	18	30	5.37	7.09
Isnin	19	1/10/07	5.37	7.09
Selasa	20	2	5.37	7.09
Rabu	21	3	5.36	7.08
Khamis	22	4	5.36	7.08
Jumaat	23	5	5.36	7.07
Sabtu	24	6	5.36	7.07
Ahad	25	7	5.35	7.07
Isnin	26	8	5.35	7.06
Selasa	27	9	5.35	7.06
Rabu	28	10	5.35	7.05
Khamis	**29	11	5.35	7.05
Jumaat	30	12	5.34	7.05

وَالْفُرْقَانَ ۚ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ  
 فَلْيُصِمْهُ ۖ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ  
 فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ  
 الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا  
 الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ  
 وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Yang bermaksud: (masa yang diwajibkan kamu berpuasa ialah) Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan yang membezakan antara yang benar dengan yang salah.

(surah Al-Baqarah : 185)

## 2. Bulan penuh berkat

Bulan Ramadhan merupakan satu bulan yang disebut sebagai bulan mulanya

rahmat, ditengahnya pengampunanNya dan akhirnya merdeka daripada api neraka.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا جَاءَ رَمَضَانَ فَتُحْتُ أَنْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِقَتْ أَنْوَابُ النَّارِ وَصُفِدَتِ الشَّيَاطِينُ.

(رواه البخاري ومسلم وغيره)

Maksudnya: “Apabila bulan Ramadhan telah datang maka dibukalah pintu-pintu syurga, dihapuslah pintu-pintu neraka dan diikatlah semua syaitan”.

(Hadis riwayat dari Abu Hurairah r.a)

### 3. Bulan penghapusan dosa

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: لِرَمَضَانَ مِنْ قَامِهِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Rasulullah s.a.w* bersabda, *sesiapa berpuasa Ramadhan dan berjaga malamnya dengan penuh kepercayaan dan ketelusan ikhlasnya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.*

#### 4. Lailatul Qadar

Firman Allah S.W.T.:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ ﴿٢﴾  
مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٣﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ ﴿٤﴾  
شَهْرٍ ﴿٥﴾ تَنْزِيلُ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ فِيهَا بِإِذْنِ ﴿٦﴾  
رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٧﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ ﴿٨﴾  
الْفَجْرِ ﴿٩﴾ ﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul Qadar. Dan tahukah kamu apa dia Lailatul Qadar itu. Lailatul Qadar itu lebih baik dari seribu bulan. Pada malam itu diturunkan malaikat dan Jibril dengan izin tuhan mereka untuk mengutus segala*

*urusan. Sejahteralah (malam) sehingga terbit fajar.*

*(surah Al-Qadr: 1- 5)*


## **Amalan-amalan Yang Digalakkan Dalam Bulan Ramadhan**

1. Mengerjakan Solat Terawih dan solat sunat yang lain.
2. Melakukan ibadah Qiamullail. Terutama pada sepuluh malam yang terakhir.
3. Bersedekah.
4. Bertadarus Al-Quran.
6. Mengerjakan umrah.
7. Memperbanyakkan zikir, doa dan istighfar pada waktu-waktu yang mustajab.
8. Melaksanakan kewajiban mengeluarkan zakat.
9. Menghubungkan dan Mengeratkan Silaturrahim.
10. Menjaga pancaindera seperti penglihatan, pendengaran, pertuturan serta perbuatan daripada melakukan perkara-perkara yang sia-sia dan menjauhi pergaduhan.
11. Membanyakan berdoa.
12. Membanyakan beristighfar (mohon ampun dari dosa).

## **Perkara-perkara Yang Membatalkan Puasa**

1. Memasukkan sesuatu benda kedalam rongga yang terbuka dengan sengaja.
2. Memasukkan sesuatu kedalam dubur atau qubul dengan sengaja.
3. Muntah dengan sengaja.
4. Berseggama (Jimak) dengan sengaja sekalipun tidak keluar mani.
5. Mengeluarkan mani dengan sengaja atau dengan jalan bersuka-suka.
6. Kedatangan Haid dan Nifas.
7. Gila sekalipun hanya sekejap.
8. Mabuk atau pengsan sepanjang hari sejak terbit fajar hingga terbenam matahari.
9. Bersalin.
10. Berbuka puasa sebelum yakin terbenam matahari.
11. Murtad.

# IMKANUR RUKYAH




## KRITERIA IMKANNUR RUKYAH

Kriteria Imkanur Rukyah (kebolehnampakan) hilal adalah berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- Pada hari cerapan hilal iaitu setiap 29hb. Hijri;
  - a) Ketika matahari terbenam;  
Tinggi hilal tidak kurang daripada  $2^\circ$  DAN  
Jarak lengkung hilal ke matahari tidak kurang daripada  $3^\circ$ ,  
ATAU;
  - b) Ketika Hilal terbenam, Umur hilal tidak kurang daripada 8 jam selepas ijtimak berlaku.

\* Kriteria tersebut digunapakai untuk mensabitkan hilal kelihatan atau tidak.

# APAKAH IJTIMAK ?



BUMI, BULAN & MATAHARI BERADA  
SEGARISAN IAITU PROSES LAHIRNYA  
BULAN BARU (HILAL)

## FASA-FASA BULAN

